

KAEDAH-KAEDAH FIQH: SATU PENGENALAN RINGKAS

Oleh:

Abdul Manan Ismail

PENGENALAN

Kaedah fiqh merupakan rangkuman prinsip yang telah diperakui oleh Syarak. Ia dibuat oleh para ulama untuk memudahkan proses merujuk sesuatu masalah fiqh kepada prinsip Syarak (Abu Ghuddah 1992: 129). Ia tidak dianggap sebagai dalil Syarak yang akan menentukan hukum, sebaliknya adalah satu rumusan perundangan teliti terhadap hukum fiqh yang pelbagai. Ia memudahkan seseorang untuk mengingat, meneliti dan menguasai hukum hakam fiqh (al-Zarkashiyy 1982: 65).

DEFINISI KAEDAH FIQH

Dari segi bahasa Arab, *al-qa'idah* adalah kata tunggal kepada perkataan *al-qawa'id*. Ia bermaksud asas dan setiap perkara yang dijadikan dasar kepada sesuatu (al-Qal'ah Jiyy 1985: 354). Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh para fuqaha mengenai kaedah fiqh dari segi istilah. Setelah diteliti pendefinisian-pendefinisian tersebut, disimpulkan bahawa terdapat 2 aliran utama dalam pendefinisian tersebut iaitu (al-Haririyy 1998: 9):

- i. Dasar-dasar utama fiqh bersifat *kulliyah* (menyeluruh), dalam bentuk teks perlembagaan ringkas, mengandungi hukum-hakam perundangan umum dalam sesuatu isu yang termasuk dalam skop perbincangannya (al-Zarqa 1993: 34).
- ii. Hukum Syarak dalam permasalahan *aghlabiyyah* (majoriti) yang digunakan untuk mengetahui hukum-hakam di bawahnya (al-Nadawiyy 1994: 43).

Antara pelopor definisi pertama ialah al-Jarjaniyy dan al-Taftazaniyy (al-Jarjaniyy 1999: 171), manakala pelopor definisi kedua pula ialah Imam al-Shatibiyy (al-Haririyy 1998: 9-10).

Realitinya, kedua-dua aliran tersebut tidak bertentangan di antara satu sama lain, kerana maksud aliran pertama yang menyatakan dasar-dasar fiqh bersifat *kulliyah* adalah, sesuatu kaedah tidak akan berada di dalam kaedah yang lain tanpa menafikan kemungkinan wujudnya pengecualian hukum terhadap sesuatu kaedah sebagaimana yang dikehendaki oleh aliran kedua (al-Haririyy 1998: 9). Justeru, kaedah fiqh disimpulkan sebagai satu pernyataan ringkas yang mengandungi makna yang umum serta merangkumi permasalahan cabang fiqh yang pelbagai.

Sebagai contohnya ialah kaedah:

الأمر بمقاصدها

Maksudnya, "Setiap perkara bergantung kepada niatnya" (al-Suyutiyy 1998: 35).

Kaedah ini bersumberkan Hadis Nabi S.A.W iaitu:

إنما الأعمال بالنيات

Maksudnya, "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing" (al-Bukhariyy 1400H: 13).

Kaedah tersebut bersifat umum dan diterima pakai dalam setiap permasalahan fiqh, termasuk ibadat, perkahwinan, muamalat dan jenayah. Imam Shafie menegaskan, ia diaplikasikan dalam 70 bab fiqh (al-Suyutiyy 1998: 38). Misalnya dalam bab ibadah, puasa seseorang tidak dapat dibezakan di antara sunat dan wajib melainkan dengan niat si pelakunya. Dalam masalah muamalat semasa, ada sesetengah penjual menawarkan kupon untuk setiap pembelian melebihi RM200, untuk ditukar dengan barangan tertentu, pembelian itu tidak diharuskan jika si pembeli membeli sesuatu barangan daripada penjual tersebut dengan niat untuk mendapatkan kupon tersebut, dan begitulah sebaliknya (al-Shal 2002: 73).

Namun demikian, terdapat beberapa pengecualian hukum terhadap kaedah tersebut. Contohnya ialah, seseorang yang berniat untuk memakan nasi atau bersetubuh semasa berpuasa tidak dianggap

membatalkan puasanya selagi mana dia tidak melakukannya, sebagaimana seseorang yang berniat untuk mengkhianati sesuatu amanah tidak perlu membayar ganti rugi melainkan dia cuai dalam melaksanakan amanah tersebut (al-Suyutiyy 1998: 89).

FAEDAH MEMPELAJARI KAEDAH FIQH

Terdapat banyak faedah daripada mempelajari kaedah fiqh, antaranya ialah:

- i. Mempermudahkan seseorang untuk mengetahui hukum cabang (fiqh), kerana penguasaan terhadap semua masalah fiqh yang banyak adalah agak sukar. Ia diungkapkan oleh al-Qarafiyy (1998: 7):
"Sesiapa yang mengingati fiqh berdasarkan kaedah-kaedahnya, dia tidak perlu menghafaz pelbagai cabang fiqh".
- ii. Membentuk kemahiran fiqh yang kuat dan baik, sekaligus dapat membantu untuk meneroka pelbagai isu fiqh semasa (al-Burnu 1998: 24).
- iii. Pembelajaran kaedah fiqh dapat menghimpunkan masalah-masalah fiqh yang banyak dan berselerak ke dalam satu kaedah yang ringkas dan padat (al-Shal 2002: 57).

PENULISAN KAEDAH FIQH

Terdapat banyak penulisan para ulama di dalam bidang kaedah fiqh, penulis akan mengutarakan beberapa penulisan penting yang menjadi rujukan bagi setiap mazhab di dalam bidang tersebut (al-Nadawiy 1994: 162-265):

- **Mazhab Hanafi**
 - a. *Usul al-Karkhiyy* oleh Abu al-Hasan al-Karkhiyy (340H).
 - b. *Ta'sis al-Nazar* oleh Abu Zayd al-Dabusiy (430H).
 - c. *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir* oleh Ibn Nujaym (970H).
 - d. *Khatimah Majami' al-Haqa'iq* oleh Abu Sa'id al-Khadamiyy (1176H).
 - e. *Qawa'id Majallat al-Ahkam al-Adliyyah* oleh para ulama Dawlah Uthmaniyyah (1292H).

f. *Al-Fara'id al-Bahiyyah Fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* oleh al-Husayniyy (1305H).

● **Mazhab Maliki**

- a. *Usul al-Futya Fi al-Fiqh 'Ala Madhhab al-Imam Malik* oleh al-Khashaniyy (361H).
- b. *Al-Furuq* oleh al-Qarafiyy (684H).
- c. *Al-Qawa'id* oleh al-Maqqariyy (758H).
- d. *Al-'Is'af Bi al-Talab Mukhtasar Sharh al-Manhaj* oleh al-Tujibiyy (912H).
- e. *'Iddah al-Masalik Ila Qawa'id al-Imam Malik* oleh al-Winsharisiyy (914H).

● **Mazhab Shafie**

- a. *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam* oleh 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (660H).
- b. *Kitab al-Ashbah Wa al-Naza'ir* oleh Ibn al-Wakil (716H).
- c. *Al-Majmu' al-Mudhhab Fi Qawa'id al-Madhhab* oleh al-'Ala'iyy (761H).
- d. *Mukhtasar Qawa'id al-'Ala'iyy* oleh al-Sarkhadiyy (792H).
- e. *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir* oleh Ibn al-Subkiyy (771H).
- f. *Al-Manthur Fi Tartib al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* oleh al-Zarkashiyy (794H).
- g. *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir* oleh Ibn al-Mulaqqin (804H).
- h. *Al-Qawa'id* oleh al-Hisniyy (829H).
- i. *Sharh Qawa'id al-Zarkashiyy* oleh al-'Abadiyy (941H).
- j. *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir* oleh al-Suyutiyy (911H).

● **Mazhab Hanbali**

- a. *Al-Qawa'id al-Nuraniyyah al-Fiqhiyyah* oleh Ibn Taymiyyah (728H).
- b. *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* oleh Ibn Qadi al-Jabal (771H).
- c. *Taqrir al-Qawa'id Wa Tahrir al-Fawa'id* oleh Ibn Rajab al-Hanbaliyy (795H).

- d. *Al-Qawa'id al-Kulliyah Wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah* oleh Ibn 'Abd al-Hadiyy (909H).
- e. *Qawa'id Majallat al-Ahkam al-Shar'iyah* oleh Ibn 'Abdullah al-Qariyy (1359H).

PERBEZAAN DI ANTARA KAEDAH FIQH DAN KAEDAH USUL

Terdapat beberapa perbezaan di antara kaedah fiqh dan kaedah usul, penulis akan mengutarakan 2 perbezaan yang penting iaitu:

- i. Kaedah usul adalah neraca dan *dabit* untuk menginstinbat hukum, ia seumpama ilmu tatabahasa untuk menentukan cara sebutan dan penulisan. Kaedah ini bertindak sebagai perantara yang menghubungkan dalil dengan hukum. Contohnya ialah "*al-Amru Yufidu al-Wujub* (suruhan menunjukkan wajib)". Manakala kaedah fiqh pula ialah satu permasalahan menyeluruh atau kebanyakan dan permasalahan kecilnya adalah isu fiqh (al-Nadawiyy 1994: 68).
- ii. Kaedah usul adalah sumber dalam mengeluarkan sesuatu hukum fiqh, manakala kaedah fiqh (pada asasnya) bukan sandaran dalam menetapkan sesuatu hukum fiqh (Banjar al-Makkiyy 1994: 12).

PEMBAHAGIAN KAEDAH FIQH

Menurut al-Burnu (1998: 26-27) terdapat sebahagian ulama yang membahagikan kaedah fiqh kepada tiga tahap iaitu:

1. Kaedah fiqh yang besar (asasi), menyeluruh serta diaplikasikan dalam sebahagian besar bab-bab fiqh. Kaedah tersebut ialah:
 - i. **الأمر بمقاصدها**
Maksudnya, "Segala urusan berdasarkan niatnya".
 - ii. **اليقين لا يزول بالشك**
Maksudnya, "Keyakinan tidak dihapuskan dengan syak".

iii. المشقة تجلب التيسير

Maksudnya, "Kesukaran membawa kepada keringanan".

iv. لا ضرر و لا ضرار

Maksudnya, "Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan".

v. العادة محكمة

Maksudnya, "Adat adalah penentu".

vi. إعمال الكلام أولى من إهماله

Maksudnya, "Mengguna pakai sesuatu perkataan adalah lebih baik daripada mengabaikannya".

2. Kaedah yang skopnya lebih kecil berbanding dengan bahagian yang pertama, namun ia juga diaplikasikan dalam pelbagai bab fiqh, ia terbahagi kepada 2 iaitu:

a. Kaedah yang berada di bawah kaedah asasi, contohnya ialah kaedah:

الضرورات تبيح المحظورات

Maksudnya, "Perkara-perkara darurat¹ mengharuskan perkara-perkara yang dilarang". Ia adalah cabang kepada kaedah

المشقة تجلب التيسير

b. Kaedah yang tidak berada di bawah kaedah asasi, contohnya ialah kaedah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya, "Tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat bergantung kepada kemaslahatan umum".

¹ Darurat menurut pentafsiran para ulama ialah suatu keadaan apabila seseorang tidak mengambil atau memakan perkara yang dilarang, dia akan mati atau hampir mati.

3. Kaedah khusus kepada bab tertentu atau sebahagian kecil dari sesuatu bab sahaja, skop perbincangannya lebih sempit. Ia disebut sebagai *dabit*. Contohnya ialah kaedah:

هل العبرة بصيغ العقود أو بمعانيها؟

Maksudnya, "Adakah yang diambil kira - dalam sesuatu kontrak - sighth (lafaz) kontrak atau maknanya?" (al-Suyutiyy 1998: 363).

KAEDAH FIQH ASASI

Sebahagian ulama menggariskan 6 kaedah asasi, manakala sebahagian yang lain berpendapat bahawa terdapat 5 kaedah asasi sahaja. Pandangan yang masyhur ialah pandangan yang kedua (al-Suyutiyy 1998: 33, al-Burnu 1998: 26, al-Nadawiy 1994: 351). Justeru, penulis akan membincangkan 5 kaedah asasi tersebut secara ringkas.

1. الأمور بمقاصدها - "Segala urusan berdasarkan niatnya"

Kaedah ini menjelaskan bahawa niat seseorang mukallaf diambil kira dalam menentukan hala tuju perbuatannya. Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal. Al-Suyutiyy (1998: 40) dan al-Shal (2002: 67) berkata terdapat 3 peranan niat yang utama iaitu:

- i. Membezakan di antara ibadat dan adat. Sebagai contohnya, seseorang yang menahan lapar berkemungkinan niat atau tujuannya ialah diet dan bukannya puasa. Begitu juga seseorang yang berada di dalam masjid mungkin berniat untuk berehat dan bukannya iktikaf.
- ii. Membezakan di antara peringkat-peringkat ibadat seperti fardu dan sunat. Sebagai contohnya, seseorang yang berpuasa (selain bulan Ramadhan) mungkin berniat puasa sunat, sebagaimana dia juga berkemungkinan berniat puasa fardu.
- iii. Membezakan di antara perbuatan yang ikhlas dengan menunjuk-nunjuk (*riya'*).

Dalil-dalil kaedah

Antara dalil-dalil bagi kaedah di atas ialah seperti berikut:

1. Firman Allah Taala:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

Maksudnya, "Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) itu menghendaki islah" (al-Baqarah 2: 228)

Cara pendalilannya ialah Allah Taala menyatakan bahawa hak suami untuk merujuk kepada isteri bergantung kepada niat si suami. Jika beliau menginginkan *islah* (perdamaian), hak tersebut diberikan kepadanya, sebaliknya jika beliau berniat untuk memudaratkan si isteri, hak tersebut tidak diberikan kepadanya.

2. Hadis:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya, "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing" (al-Bukhariyy 1400H: 13).

Cara pendalilannya ialah Nabi S.A.W menjelaskan bahawa setiap amalan berdasarkan kepada niat masing-masing. Justeru, niat adalah penentu kepada sah atau terbatalnya sesuatu amalan.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. *Bay' al-'inah* iatu menjual sesuatu barang dengan harga tertangguh kemudian membelinya semula (dengan serta merta) dengan harga yang lebih murah (Ibn Qudamah 1408H: 26). Contohnya, ialah Ahmad memerlukan wang sebanyak RM1,000, beliau mendapatkan wang tersebut dengan cara membeli sebuah peti sejuk daripada Ramli dengan harga RM1,500 secara tertangguh. Ahmad akan menjual semula peti sejuk tersebut kepada Ramli dengan harga RM1,000 secara tunai. Jadi, akhirnya Ahmad memperolehi wang RM1,000 daripada Ramli yang akan dibayar balik dengan jumlah RM1,500. Dalam masalah tersebut,

ia diharuskan jika Ahmad berniat daripada transaksi tersebut untuk tujuan perniagaan atau mengambil manfaat. Sebaliknya, ia diharamkan jika beliau berniat untuk mendapatkan wang (RM1,000) tersebut. Justeru, niat adalah penentu kepada halal ataupun haram dalam situasi ini (Ibn Taymiyyah 1389H: 442).

- b. Jika seseorang berkata kepada rakannya, "Ambillah wang RM20 ini", ia akan menjadi hibah apabila diniatkan derma dan sekiranya tidak diniatkan demikian ia akan menjadi hutang yang perlu dibayar balik (al-Burnu 1998: 128).
- c. Seseorang yang mengambil *luqatah* (barang yang tercicir) dengan niat untuk memilikinya dianggap sebagai perampas yang perlu memberikan ganti rugi jika barang tersebut rosak. Manakala sekiranya dia berniat untuk menyimpan, mewar-warkan dan memulangkan kembali kepada tuan asalnya, dia dianggap pemegang amanah yang tidak perlu memberikan ganti rugi jika barang tersebut rosak (al-Burnu 1998: 128).

2. Keyakinan tidak dihapuskan dengan syak

Kaedah ini termasuk dalam lima kaedah asasi, perbincangan bab-bab fiqh seperti ibadat, muamalat, jenayah dan perkahwinan tidak akan lengkap tanpa penghuraian kaedah tersebut. Perbincangan mengenainya akan lebih jelas selepas kita meneliti beberapa takrifan istilah penting dalam kaedah tersebut.

Keyakinan ialah perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan (Noresah Baharom 2000: 1554). Syak pula didefinisikan sebagai rasa kurang yakin, curiga, sangsi dan was-was (Noresah Baharom 2000: 1332).

Justeru, maksud kaedah ini ialah perasaan syak dan was-was tidak dapat menghapuskan keyakinan seseorang. Contohnya ialah seseorang yang telah yakin mengambil wuduk, kemudian timbul perasaan syak ataupun was-was adakah ia terbatal atau tidak, dia masih dianggap berwuduk (al-Suyutiyy 1998: 116).

Dalil-dalil kaedah

1. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، إذا وجد أحدكم في بطنه شيئا فأشكلك عليه أخرج منه شيء أم لا، فلا يخرج من المسجد حتى يسمع صوتا أو يجد ريحا

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, Jika kamu menghadapi masalah kesakitan perut, namun tidak pasti adakah terkentut atau tidak, janganlah keluar daripada masjid (tidak perlu berwuduk) sehinggalah terdengar bunyi ataupun berbau" (Muslim t.th: 276).

Cara pendalilannya ialah, asalanya seseorang yang berwuduk kekal dalam keadaan berwuduk. Ia tidak terbatal dengan semata-mata syak atau *zann*. Justeru, dia kekal dalam keadaan yakin berwuduk sehinggalah terdapat bukti berhadas yang meyakinkan seperti bunyi kentut atau berbau.

2. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، إذا شك أحدكم في صلاته فلم يدر كم صلى أثلاثا أو أربعا؟ فليطرح الشك وليبن على ما استيقن

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, Apabila kamu syak dalam solat, lantas tidak mengetahui bilangan rakaat, 3 atau 4? Kamu hendaklah membuang syak tersebut dan meneruskan solat berdasarkan apa yang diyakininya" (Muslim t.th: 400).

Cara pendalilannya ialah, Nabi S.A.W menyatakan, seseorang yang syak pada bilangan rakaat solatnya perlu meneruskan solat dengan berdasarkan keyakinan. Ia bermakna seseorang yang syak adakah dia berada di rakaat yang ketiga atau keempat perlulah meneruskan solat dengan beranggapan dia berada dirakaat yang ketiga untuk menghilangkan syak.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. al-Shal (2002: 78) berkata, jika diketahui terdapat sesuatu yang haram pada harta seseorang peniaga, tetapi tidak diketahui secara jelas salah satu daripada perkara-perkara berikut:
 - i. bahagian harta yang haram
 - ii. jumlah bahagian yang haram,maka dalam situasi ini, kita tidak diharamkan untuk bermuamalat atau mengurusniaga dengan penjual tersebut kerana ketidakpastian, sama ada kita mengurusniaga dengan harta yang haram atau tidak.
- b. Jika diketahui terdapat harta haram atau harta dirampas atau harta dicuri di sebuah kedai, namun demikian tidak dikenalpasti di bahagian mana, kita diharuskan untuk menjalankan urusan jual beli di kedai tersebut kerana barang yang hendak diurusniaga hanya disyaki haram dan keyakinan asal iaitu ia adalah halal tidak terhapus dengan syak tersebut.
- c. Seseorang yang membeli baju baru dan mensyaki kesuciannya tidak perlu membasuh baju tersebut kerana pada asalnya baju itu suci dan ia tidak menjadi najis dengan semata-mata syak (al-Nadawiyy 1994: 368).

3. المشقة تجلب التيسير - "Kesukaran membawa kepada keringanan"

Kaedah ini secara umumnya bermaksud hukum hakam yang mendatangkan kesukaran untuk dilaksanakan oleh mukallaf akan diringankan cara pelaksanaannya oleh Syarak. Namun demikian, ia bukan bererti semua kesukaran diberikan keringanan. Oleh sebab itu, berikut dinyatakan *dabit* (penentu) kesukaran yang diberikan *rukhsah* atau keringanan oleh Syarak (al-Suyutiyy 1998: 162, al-Shal 2002: 79-81):

- a. Kesukaran yang tidak dapat dielakkan dalam menjalani ibadat. Kesukaran ini tidak diberikan keringanan oleh Syarak kerana ia pasti berlaku dalam mengerjakan ibadat, contohnya ialah kesukaran dalam pelayaran untuk menunaikan haji atau jihad bukan merupakan alasan untuk tidak melaksanakan tuntutan tersebut kerana kesukaran tersebut tidak dapat dielakkan.

- b. Kesukaran yang biasanya dapat dielakkan dalam menjalani ibadat. Ia terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:
- i. Kesukaran besar, ia diberikan keringanan oleh Syarak. Contohnya, kesukaran yang akan melibatkan kehilangan nyawa, maruah atau harta. Oleh demikian, jika perjalanan menuju ke Baitullah (Mekah) tidak selamat, ibadat haji tidak wajib.
 - ii. Kesukaran kecil yang mungkin berlaku, ia tidak diberikan keringanan oleh Syarak seperti kesukaran timbul apabila ingin mengambil wuduk dengan air sejuk di tempat dingin.
 - iii. Kesukaran sederhana, jika lebih hampir kepada kesukaran besar, ia mengambil hukumnya dan begitulah sebaliknya. Contohnya ialah demam biasa (al-Suyutiyy 1998: 162).

Terdapat 7 sebab keringanan yang diberikan oleh Syarak dalam ibadat iaitu:

- i. Musafir: Syarak memberi keringanan seperti qasar dan jamak solat serta berbuka puasa.
- ii. Sakit: Syarak memberi keringanan seperti meninggalkan puasa dan tayammum.
- iii. Paksaan: Syarak mengharuskan seseorang yang dipaksa untuk melafazkan perkataan kufur.
- iv. Lupa: Seseorang yang makan dalam keadaan terlupa semasa berpuasa, tidak terbatal puasanya.
- v. Kejahilan: Tidak batal solat orang yang bercakap semasa solat dalam keadaan jahil.
- vi. Kepayahan: Tanaman yang terkena najis binatang yang membajaknya dimaafkan.
- vii. Kekurangan: Orang gila dan bayi tidak diberikan tanggungjawab oleh Syarak (al-Suyutiyy 1998: 158-161).

Dalil-dalil kaedah

1. Firman Allah Taala:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya, "Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu". (al-Baqarah 2: 185).

لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya, "Kami (Allah) tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya". (al-An'am 6: 152).

Cara pendalilannya ialah Allah Taala menyatakan, Dia tidak menginginkan kesukaran kepada umat ini, sebaliknya mereka disuruh melaksanakan tanggungjawab sekadar termampu.

2. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، يسروا ولا تعسروا

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan". (al-Bukhariyy 1400H: 163).

Hadis ini menjelaskan bahawa syariat Islam adalah mudah dan ringan, ia juga adalah sebahagian daripada tujuan Syarak.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- Pensyariatan *khiyar*² (*warranty*), *bay' al-'araya*³, dan jual beli salam⁴ (al-Suyutiyy 1998: 160).
- Diharuskan kepada sesiapa yang kehabisan makanan untuk memakan perkara yang haram (al-Suyutiyy 1998: 160).
- Syarak mengharuskan *gharar* yang sedikit apabila ada keperluan, contohnya ialah menjual haiwan bunting, walaupun tidak

² *Khiyar* terdapat 3 jenis iaitu *khiyar syarat*, *khiyar majlis* dan *khiyar 'ayb*.

³ *Bay' al-'araya* ialah menjual kurma basah (*rutob*) dengan kurma kering (*tamr*) secara agak-agak sedangkan ia adalah barang *ribawi* (riba).

⁴ Jual beli *salam* ialah membeli sesuatu yang disifatkan dalam tanggungan dengan lafaz *salam* (*order*).

iii. المشقة تجلب التيسير

Maksudnya, "Kesukaran membawa kepada keringanan".

iv. لا ضرر و لا ضرار

Maksudnya, "Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan".

v. العادة محكمة

Maksudnya, "Adat adalah penentu".

vi. أعمال الكلام أولى من إهماله

Maksudnya, "Mengguna pakai sesuatu perkataan adalah lebih baik daripada mengabaikannya".

2. Kaedah yang skopnya lebih kecil berbanding dengan bahagian yang pertama, namun ia juga diaplikasikan dalam pelbagai bab fiqh, ia terbahagi kepada 2 iaitu:

a. Kaedah yang berada di bawah kaedah asasi, contohnya ialah kaedah:

الضرورات تبيح المحظورات

Maksudnya, "Perkara-perkara darurat¹ mengharuskan perkara-perkara yang dilarang". Ia adalah cabang kepada kaedah

المشقة تجلب التيسير

b. Kaedah yang tidak berada di bawah kaedah asasi, contohnya ialah kaedah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya, "Tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat bergantung kepada kemaslahatan umum".

¹ Darurat menurut pentafsiran para ulama ialah suatu keadaan apabila seseorang tidak mengambil atau memakan perkara yang dilarang, dia akan mati atau hampir mati.

3. Kaedah khusus kepada bab tertentu atau sebahagian kecil dari sesuatu bab sahaja, skop perbincangannya lebih sempit. Ia disebut sebagai *dabit*. Contohnya ialah kaedah:

هل العبرة بصيغ العقود أو بمعانيها؟

Maksudnya, "Adakah yang diambil kira - dalam sesuatu kontrak - sighth (lafaz) kontrak atau maknanya?" (al-Suyutiyy 1998: 363).

KAEDAH FIQH ASASI

Sebahagian ulama menggariskan 6 kaedah asasi, manakala sebahagian yang lain berpendapat bahawa terdapat 5 kaedah asasi sahaja. Pandangan yang masyhur ialah pandangan yang kedua (al-Suyutiyy 1998: 33, al-Burnu 1998: 26, al-Nadawiy 1994: 351). Justeru, penulis akan membincangkan 5 kaedah asasi tersebut secara ringkas.

1. الأمور بمقاصدها - "Segala urusan berdasarkan niatnya"

Kaedah ini menjelaskan bahawa niat seseorang mukallaf diambil kira dalam menentukan hala tuju perbuatannya. Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal. Al-Suyutiyy (1998: 40) dan al-Shal (2002: 67) berkata terdapat 3 peranan niat yang utama iaitu:

- i. Membezakan di antara ibadat dan adat. Sebagai contohnya, seseorang yang menahan lapar berkemungkinan niat atau tujuannya ialah diet dan bukannya puasa. Begitu juga seseorang yang berada di dalam masjid mungkin berniat untuk berehat dan bukannya iktikaf.
- ii. Membezakan di antara peringkat-peringkat ibadat seperti fardu dan sunat. Sebagai contohnya, seseorang yang berpuasa (selain bulan Ramadhan) mungkin berniat puasa sunat, sebagaimana dia juga berkemungkinan berniat puasa fardu.
- iii. Membezakan di antara perbuatan yang ikhlas dengan menunjuk-nunjuk (*riya'*).

Dalil-dalil kaedah

Antara dalil-dalil bagi kaedah di atas ialah seperti berikut:

1. Firman Allah Taala:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

Maksudnya, "Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) itu menghendaki islah" (al-Baqarah 2: 228)

Cara pendalilannya ialah Allah Taala menyatakan bahawa hak suami untuk merujuk kepada isteri bergantung kepada niat si suami. Jika beliau menginginkan *islah* (perdamaian), hak tersebut diberikan kepadanya, sebaliknya jika beliau berniat untuk memudaratkan si isteri, hak tersebut tidak diberikan kepadanya.

2. Hadis:

إنما الأعمال بالنيات

Maksudnya, "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing" (al-Bukhariyy 1400H: 13).

Cara pendalilannya ialah Nabi S.A.W menjelaskan bahawa setiap amalan berdasarkan kepada niat masing-masing. Justeru, niat adalah penentu kepada sah atau terbatalnya sesuatu amalan.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. *Bay' al-^cinah* iatu menjual sesuatu barang dengan harga tertangguh kemudian membelinya semula (dengan serta merta) dengan harga yang lebih murah (Ibn Qudamah 1408H: 26). Contohnya, ialah Ahmad memerlukan wang sebanyak RM1,000, beliau mendapatkan wang tersebut dengan cara membeli sebuah peti sejuk daripada Ramli dengan harga RM1,500 secara tertangguh. Ahmad akan menjual semula peti sejuk tersebut kepada Ramli dengan harga RM1,000 secara tunai. Jadi, akhirnya Ahmad memperoleh wang RM1,000 daripada Ramli yang akan dibayar balik dengan jumlah RM1,500. Dalam masalah tersebut,

ia diharuskan jika Ahmad berniat daripada transaksi tersebut untuk tujuan perniagaan atau mengambil manfaat. Sebaliknya, ia diharamkan jika beliau berniat untuk mendapatkan wang (RM1,000) tersebut. Justeru, niat adalah penentu kepada halal ataupun haram dalam situasi ini (Ibn Taymiyyah 1389H: 442).

- b. Jika seseorang berkata kepada rakannya, "Ambillah wang RM20 ini", ia akan menjadi hibah apabila diniatkan derma dan sekiranya tidak diniatkan demikian ia akan menjadi hutang yang perlu dibayar balik (al-Burnu 1998: 128).
- c. Seseorang yang mengambil *luqatah* (barang yang tercicir) dengan niat untuk memilikinya dianggap sebagai perampas yang perlu memberikan ganti rugi jika barang tersebut rosak. Manakala sekiranya dia berniat untuk menyimpan, mewar-warkan dan memulangkan kembali kepada tuan asalnya, dia dianggap pemegang amanah yang tidak perlu memberikan ganti rugi jika barang tersebut rosak (al-Burnu 1998: 128).

2. اليقين لا يزول بالشك "Keyakinan tidak dihapuskan dengan syak"

Kaedah ini termasuk dalam lima kaedah asasi, perbincangan bab-bab fiqh seperti ibadat, muamalat, jenayah dan perkahwinan tidak akan lengkap tanpa penghuraian kaedah tersebut. Perbincangan mengenainya akan lebih jelas selepas kita meneliti beberapa takrifan istilah penting dalam kaedah tersebut.

Keyakinan ialah perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan (Noresah Baharom 2000: 1554). Syak pula didefinisikan sebagai rasa kurang yakin, curiga, sangsi dan was-was (Noresah Baharom 2000: 1332).

Justeru, maksud kaedah ini ialah perasaan syak dan was-was tidak dapat menghapuskan keyakinan seseorang. Contohnya ialah seseorang yang telah yakin mengambil wuduk, kemudian timbul perasaan syak ataupun was-was adakah ia terbatal atau tidak, dia masih dianggap berwuduk (al-Suyutiyy 1998: 116).

Dalil-dalil kaedah

1. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، إذا وجد أحدكم في بطنه شيئا فأشكلك عليه أخرج منه شيء أم لا، فلا يخرج من المسجد حتى يسمع صوتا أو يجد ريحا

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, Jika kamu menghadapi masalah kesakitan perut, namun tidak pasti adakah terkentut atau tidak, janganlah keluar daripada masjid (tidak perlu berwuduk) sehinggalah terdengar bunyi ataupun berbau" (Muslim t.th: 276).

Cara pendalilannya ialah, asalnya seseorang yang berwuduk kekal dalam keadaan berwuduk. Ia tidak terbatal dengan semata-mata syak atau *zann*. Justeru, dia kekal dalam keadaan yakin berwuduk sehinggalah terdapat bukti berhadas yang meyakinkan seperti bunyi kentut atau berbau.

2. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، إذا شك أحدكم في صلاته فلم يدر كم صلى أثلاثا أو أربعا؟ فليطرح الشك وليبن على ما استيقن

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, Apabila kamu syak dalam solat, lantas tidak mengetahui bilangan rakaat, 3 atau 4? Kamu hendaklah membuang syak tersebut dan meneruskan solat berdasarkan apa yang diyakininya" (Muslim t.th: 400).

Cara pendalilannya ialah, Nabi S.A.W menyatakan, seseorang yang syak pada bilangan rakaat solatnya perlu meneruskan solat dengan berdasarkan keyakinan. Ia bermakna seseorang yang syak adakah dia berada di rakaat yang ketiga atau keempat perlulah meneruskan solat dengan beranggapan dia berada dirakaat yang ketiga untuk menghilangkan syak.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. al-Shal (2002: 78) berkata, jika diketahui terdapat sesuatu yang haram pada harta seseorang peniaga, tetapi tidak diketahui secara jelas salah satu daripada perkara-perkara berikut:
 - i. bahagian harta yang haram
 - ii. jumlah bahagian yang haram,maka dalam situasi ini, kita tidak diharamkan untuk bermuamalat atau berurusniaga dengan penjual tersebut kerana ketidakpastian, sama ada kita berurusniaga dengan harta yang haram atau tidak.
- b. Jika diketahui terdapat harta haram atau harta dirampas atau harta dicuri di sebuah kedai, namun demikian tidak dikenalpasti di bahagian mana, kita diharuskan untuk menjalankan urusan jual beli di kedai tersebut kerana barang yang hendak diurusniaga hanya disyaki haram dan keyakinan asal iaitu ia adalah halal tidak terhapus dengan syak tersebut.
- c. Seseorang yang membeli baju baru dan mensyaki kesuciannya tidak perlu membasuh baju tersebut kerana pada asalnya baju itu suci dan ia tidak menjadi najis dengan semata-mata syak (al-Nadawiyy 1994: 368).

3. المشقة تجلب التيسير. "Kesukaran membawa kepada keringanan"

Kaedah ini secara umumnya bermaksud hukum hakam yang mendatangkan kesukaran untuk dilaksanakan oleh mukallaf akan diringankan cara pelaksanaannya oleh Syarak. Namun demikian, ia bukan bererti semua kesukaran diberikan keringanan. Oleh sebab itu, berikut dinyatakan *dabit* (penentu) kesukaran yang diberikan *rukhsah* atau keringanan oleh Syarak (al-Suyutiyy 1998: 162, al-Shal 2002: 79-81):

- a. Kesukaran yang tidak dapat dielakkan dalam menjalani ibadat. Kesukaran ini tidak diberikan keringanan oleh Syarak kerana ia pasti berlaku dalam mengerjakan ibadat, contohnya ialah kesukaran dalam pelayaran untuk menunaikan haji atau jihad bukan merupakan alasan untuk tidak melaksanakan tuntutan tersebut kerana kesukaran tersebut tidak dapat dielakkan.

- b. Kesukaran yang biasanya dapat dielakkan dalam menjalani ibadat. Ia terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:
- i. Kesukaran besar, ia diberikan keringanan oleh Syarak. Contohnya, kesukaran yang akan melibatkan kehilangan nyawa, ma'ruah atau harta. Oleh demikian, jika perjalanan menuju ke Baitullah (Mekah) tidak selamat, ibadat haji tidak wajib.
 - ii. Kesukaran kecil yang mungkin berlaku, ia tidak diberikan keringanan oleh Syarak seperti kesukaran timbul apabila ingin mengambil wuduk dengan air sejuk di tempat dingin.
 - iii. Kesukaran sederhana, jika lebih hampir kepada kesukaran besar, ia mengambil hukumnya dan begitulah sebaliknya. Contohnya ialah demam biasa (al-Suyutiyy 1998: 162).

Terdapat 7 sebab keringanan yang diberikan oleh Syarak dalam ibadat iaitu:

- i. Musafir: Syarak memberi keringanan seperti qasar dan jamak solat serta berbuka puasa.
- ii. Sakit: Syarak memberi keringanan seperti meninggalkan puasa dan tayammum.
- iii. Paksaan: Syarak mengharuskan seseorang yang dipaksa untuk melafazkan perkataan kufur.
- iv. Lupa: Seseorang yang makan dalam keadaan terlupa semasa berpuasa, tidak terbatal puasanya.
- v. Kejahilan: Tidak batal solat orang yang bercakap semasa solat dalam keadaan jahil.
- vi. Kepayahan: Tanaman yang terkena najis binatang yang membajaknya dimaafkan.
- vii. Kekurangan: Orang gila dan bayi tidak diberikan tanggungjawab oleh Syarak (al-Suyutiyy 1998: 158-161).

Dalil-dalil kaedah

1. Firman Allah Taala:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya, "Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu". (al-Baqarah 2: 185).

لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya, "Kami (Allah) tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya". (al-An'am 6: 152).

Cara pendalilannya ialah Allah Taala menyatakan, Dia tidak menginginkan kesukaran kepada umat ini, sebaliknya mereka disuruh melaksanakan tanggungjawab sekadar termampu.

2. Hadis:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، يسروا ولا تعسروا

Maksudnya, "Nabi S.A.W bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan". (al-Bukhariyy 1400H: 163).

Hadis ini menjelaskan bahawa syariat Islam adalah mudah dan ringan, ia juga adalah sebahagian daripada tujuan Syarak.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. Pensyariatian *khiyar*² (*warranty*), *bay' al-ʿaraya*³, dan jual beli salam⁴ (al-Suyutiyy 1998: 160).
- b. Diharuskan kepada sesiapa yang kehabisan makanan untuk memakan perkara yang haram (al-Suyutiyy 1998: 160).
- c. Syarak mengharuskan *gharar* yang sedikit apabila ada keperluan, contohnya ialah menjual haiwan bunting, walaupun tidak

² *Khiyar* terdapat 3 jenis iaitu *khiyar syarat*, *khiyar majlis* dan *khiyar ʿayb*.

³ *Bay' al-ʿaraya* ialah menjual kurma basah (*rutob*) dengan kurma kering (*tamr*) secara agak-agak sedangkan ia adalah barang *ribawi* (riba).

⁴ Jual beli *salam* ialah membeli sesuatu yang disifatkan dalam tanggungan dengan lafaz *salam* (*order*).

diketahui kuantitinya (al-Shal 2002: 84). Begitu juga insurans dibenarkan walaupun terdapat sedikit *gharar* kerana ada keperluan terhadapnya (Majd Ahmad 2001: 404).

4. لا ضرر ولا ضرار - "Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan"

Kaedah ini juga disebut dengan:

الضرر يزال

Maksudnya, "Mudarat dihapuskan" (al-Nadawiyy 1994: 287).

Ia diaplikasikan dalam pelbagai isu fiqh, dengan kata lain ia berkait rapat dengan menjaga kepentingan agama, jiwa raga, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratkan perlu ditegah dan diharamkan, ia termasuk mudarat yang umum dan khusus. Di samping itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratkan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratkan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratkan yang berulang-ulang (al-Burnu 1998: 254).

Dalil-dalil kaedah

1. Firman Allah Taala:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ الْبَسَاءَ فَبَلَّغْنَ أَجْلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَلَا قُسْوَوهُنَّ ضَرَارًا لِيَتَعْتَدُوا

Maksudnya, "Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir idahnya, maka rujukilah mereka dengan cara yang makruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang makruf (pula). Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudaratkan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka". (al-Baqarah 2: 231).

Allah Taala menjelaskan tentang ketidakharusan memudaratkan isteri, si suami tidak boleh untuk meneruskan kehidupan dengan isterinya semata-mata ingin memudaratkannya. Sebaliknya, jika dia ingin terus hidup bersama, kehidupan tersebut perlulah diharungi

dengan hubungan yang baik, ataupun menceraikan isterinya (dengan baik) jika perhubungan tidak dapat diteruskan lagi.

2. Hadis:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya, "Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan" (Imam Malik 1985: 745, al-Bayhaqiyy 1999: 115 & al-Hakim 1990: 66).

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- a. Al-Khatib al-Sharbiniyy (1958: 133) menjelaskan tentang keharusan lelaki merawat perempuan dan sebaliknya jika keadaan memaksa (darurat) walaupun di tempat aurat *mughallazah*⁵. Namun demikian seseorang pesakit perempuan perlulah mengikut keutamaan berikut terlebih dahulu:
 - i. Doktor perempuan muslim pakar.
 - ii. Doktor perempuan bukan muslim pakar.
 - iii. Doktor lelaki muslim pakar.
 - iv. Doktor lelaki bukan muslim pakar (Majma' al-fiqh al-Islami 1994: 412).
- b. Penjualan harta *al-ihthikar*⁶ dengan harga semasa oleh pemerintah demi mengelakkan kemudaratan dan menjaga kemaslahatan masyarakat (Ibn Qudamah t.th: 308).
- c. Seseorang yang menyewa rumah tanpa mengetahui bahawa jirannya adalah penjahat atau penjenayah berhak untuk membatalkan kontrak sewaan tersebut kerana ia dianggap aib (Ibn Taymiyyah 1389H: 161). Begitu juga rakan kongsi berhak

⁵ Aurat *mughallazah* ialah kemaluan depan dan belakang.

⁶ *Al-ihthikar* ialah kegiatan memonopoli sesuatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi.

untuk mendapatkan hak *shufah*⁷ untuk mengelakkan kemudaran (al-Khin 1989: 5).

5. العادة محكمة - "Adat adalah penentu"

Adat ialah peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi) (Noresah Baharom 2000: 7). Ia adalah suatu keadaan yang dilakukan secara berterusan oleh orang ramai secara rasional serta dilakukan berulang kali (al-Jarjaniyy 1999: 149).

Kaedah ini bermaksud bahawa adat sesuatu masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas Syarak diambil kira dalam penentuan hukum syarak (al-Burnu 1998: 276). Namun demikian, terdapat beberapa syarat untuk menerima adat sebagai penentu hukum iaitu:

- a. Adat tersebut perlu konsisten dan diterima oleh majoriti masyarakat (al-Suyutiyy 1998: 201). Contohnya ialah adat sesuatu masyarakat apabila menyebut perkataan daging bermaksud daging lembu.
- b. Ia tidak bertentangan dengan nas Syarak, jika bertentangan dengan nas ia tidak diterima pakai, contohnya adat sesuatu masyarakat untuk meminum arak (al-Shal 2002: 95).
- c. Ia diterima pakai selagi tidak dipersetujui sebaliknya. Contohnya, adat sesuatu masyarakat ialah si pembeli perlu menanggung kos penghantaran barang ke tempatnya. Namun si pembeli dan si penjual telah bersetuju bahawa si penjual perlu menanggung kos tersebut, dalam situasi ini adat tidak diambil kira, sebaliknya persetujuan mereka yang menjadi penentu (al-Shal 2002: 95).

Dalil-dalil kaedah

1. Firman Allah Taala:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ^٥

⁷ *Shufah* ialah hak pemilikan secara paksa yang diberikan kepada rakan kongsi yang lama (jiran juga diberikan hak tersebut menurut pendapat al-Hanafiyah).

Maksudnya, “Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma’ruf”. (al-Baqarah 2: 233).

Dalam ayat tersebut, Allah Taala tidak memperincikan kadar makanan dan pakaian yang perlu diberikan kepada isteri, sebaliknya meninggalkan kepada adat sesuatu masyarakat untuk menentukannya.

2. Hadis:

Hind binti ‘Utbah mengadu kepada Rasulullah S.A.W tentang suaminya (Abu Sufian) yang bakhil dan tidak memberinya nafkah yang mencukupi untuk saraan hidupnya dan anak-anak. Hind mengambil wang suaminya secara senyap-senyap untuk tujuan saraan tersebut. Lalu Rasulullah S.A.W bersabda kepada Hind:

خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف

Maksudnya, “Ambillah setakat yang perlu untuk dirimu dan anakmu secara baik” (al-Bukhariyy 1400H: 156).

Dalam hadis tersebut, Rasulullah S.A.W tidak menetapkan kadar wang yang perlu diambil, sebaliknya memerintahkan Hind untuk mengambil sekadar keperluan. Kadar keperluan tersebut ditentukan oleh adat masyarakat tersebut.

Contoh-contoh kaedah

Di antara contoh-contoh masalah yang terdapat di bawah kaedah tersebut ialah seperti berikut:

- Di antara rukun jual beli ialah *sighah*, namun demikian fuqaha antaranya al-Nawawiyy mengharuskan urusanniaga yang dijalankan tanpa *sighah*⁸ jika ia menjadi adat sesuatu masyarakat (al-Khin 1989: 10).
- Penetapan umur baligh, sekurang-kurang haid dan nifas, serta perbuatan banyak yang membatalkan solat ditentukan oleh *urf* atau adat setempat (al-Suyutiyy 1998: 194-195).
- Apabila pemodal kepada pekerja untuk mudarabah telah meninggal dunia dan pekerja tersebut masih lagi meneruskan

⁸ Jual beli tanpa *sighah* (ijab dan qabul) dinamakan dengan *bay‘ al-mu‘atah*.

perniagaan mudarabah tersebut, keuntungan perlulah dibahagikan di antara pekerja dan waris pemodal (jika 'urf menghendaki sedemikian) (al-Shal 2002: 100).

PENUTUP

Usaha gigih para fuqaha membina kaedah-kaedah fiqh sangat bernilai dan sewajarnya dihargai oleh masyarakat muslim. Ia mempermudah seseorang untuk mengetahui hukum fiqh kerana penguasaan terhadap semua masalah fiqh yang banyak dan berselerak adalah sukar.

Di samping itu juga, ia mampu membentuk kemahiran fiqh yang kuat dan baik sekaligus dapat membantu untuk meneroka pelbagai isu fiqh semasa dengan penyelesaian yang tepat dan baik. Pengetahuan yang jitu mengenai kaedah ini juga pastinya menjadi asas yang kukuh untuk mempelajari hukum hukum fiqh.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abu Ghuddah, ‘Abd al-Sattar. 1992. *Buhus Fi al-Fiqh al-Tibb Wa al-Sihhat al-Nafsiyyah Min Manzur Islamiyy*. Beirut: Dar al-Aqsa.
- Banjar al-Makkiyy, Muhammad Nur al-Din Merbau. 1994. *al-Durar al-Bahiyyah Fi ‘Iddah al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. T.tp.: al-Maktab al-Fanni Li al-Di‘ayah Wa al-‘Ilam.
- Al-Bayhaqiyy, Abu Bakr Ahmad ibn al-Husayn ibn ‘Ali. 1999. *Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma‘il. 1400H. *Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad. 1982. *Al-Wajiz Fi ‘Iddah Qawa‘id al-Fiqh al-Kulliyah*. Riyadh: Mu’assasat al-Risalah.
- Al-Hakim, al-Imam al-Hafiz Abi ‘Abdillah Muhammad ibn ‘Abdillah al-Naysaburiyy. 1995. *Al-Mustadrak ‘Ala a-Sahihayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Haririyy, Ibrahim Muhammad Mahmud. 1998. *Al-Madkhal Ila al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. ‘Amman: Dar ‘Ammar.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad ‘Abdillah Ibn Ahmad Ibn Mahmud. T.th. *Al-Mughni Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabiyy.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn ‘Abd al-Halim. 1389H. *Majmu‘ al-Fatawa*. T.tp.
- Al-Jarjaniyy, ‘Aliyy ibn Muhammad ibn ‘Aliyy. 1999. *al-Ta‘rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharbiniyy. 1958. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma‘rifat Alfaz al-Minhaj*. Kaherah: Syarikat Wa Matba‘at Mustafa al-Bab al-Halabiyy.
- Al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bugha & ‘Aliyy al-Sharbajiyy. 1989. *Al-Fiqh al-Manhajiyyy*. Damsyik: Dar al-‘Ulum al-Insaniyyah.
- Majallat Majma‘ al-Fiqh al-Islamiyy. 1994. Daurah Kelapan. T.tp.
- Majd Ahmad Makkiyy. 2001. *Fatawa Mustafa al-Zarqa*. Damsyik: Dar al-Qalam.